

SIDANG WAKAF ANTARABANGSA SINGAPURA

Dalam rencana mengenai Sidang Wakaf Antarabangsa Singapura 2007 semalam Ekoniaga membentang kesimpulan yang dicapai dalam sidang itu. Hari ini, bahagian kedua liputan itu mengupas sidang yang dirasmikan oleh Menteri Kanan, Encik Goh Chok Tong. Laporan oleh **NORHAIZA HASHIM** <norhaiza@sph.com.sg> dan **SURYANI OMAR** <suomar@sph.com.sg>.

APA KATA PESERTA

"Di India, kami banyak tanah wakaf tetapi ia tidak dimanfaatkan dan dibangunkan, dan tidak banyak kesedaran mengenai wakaf di kalangan orang ramai.

"Tetapi saya berharap dapat mengongsi apa yang telah dipelajari dari sidang ini seperti bagaimana Singapura membangunkan dan menguruskan hartanah wakaf dimanfaatkan dengan baik, dengan masyarakat Islam di India."

— Encik Gul Firoze Khan, sukarelawan bersama Dana Pendidikan dan Kesihatan Fatima dari India.



"Sektor wakaf di Filipina masih belum diterokai tetapi dengan menghadiri sidang ini, ia membuka peluang untuk saya mempelajari dari negara-negara lain terutama sekali Singapura. Untuk membangunkan sektor wakaf, kita mesti pelajari bagaimana ia diuruskan selain prasarana undang-undang yang kuat."

— Encik Manaros Boransing dari Ehwai Islam Filipina.



Wakaf jadi aset terbesar di bawah portfolio Muis

200 ditadbir dengan nilai mencapai \$250 juta

PENDAPATAN wakaf di Singapura menyumbang sebanyak 15 peratus daripada keseluruhan pendapatan diuruskan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Tetapi, jika Dana Pembinaan Masjid (MBF) disertakan sebagai wakaf tunai (*cash waqf*), ia menyumbang lebih satu pertiga daripada keseluruhan pendapatan diuruskan Muis.

Ini didedahkan oleh Penolong Pengarah Pengurusan Aset Muis, Cik Shamsiah Abdul Karim, di Sidang Wakaf Antarabangsa Singapura 2007 (IWC2007) minggu lalu.

Wakaf merupakan aset terbesar di bawah portfolio Muis.

Kini, Muis mentadbirkan 200 wakaf yang bernilai \$250 juta.

Beliau menambah Muis telah dapat meningkatkan pulangan sewa dengan banyak hasil pengurusan wakaf yang berkesan.

Berdasarkan laporan tahunan Muis, pulangan sewa wakaf telah meningkat kepada \$4.11 juta pada 2005, daripada \$198,911 pada 1990.

Mengongsi pengalaman Muis dalam pengurusan wakaf baru-baru ini, Cik Shamsiah berkata sejarah wakaf di Singapura bermula sejak 1826.

Masjid Omar Kampung Melaka yang dibangunkan



FOTO: JOHARI RAHMAT

PELUANG KONGSI IDEA: Sidang wakaf, yang pertama kali dianjurkan di rantau ini, menarik pelbagai peserta Islam dan bukan Islam dari luar negara termasuk Jepun, Iran dan India.

pada 1826 adalah wakaf pertama yang diwujudkan oleh dermawan, Allahyarham Syed Omar Aljunied.

Kebanyakan institusi wakaf ini diwujudkan oleh dermawan India dan Arab yang ke Singapura untuk berdagang dan kemudian menetap di sini.

"Dermawan ini akan membangunkan masjid dan membeli hartanah komersial untuk disewakan bagi menjana pendapatan berterusan yang dapat digunakan bagi membiayai pengendalian masjid yang dibina," jelas Cik Shamsiah.

Sejak terbentuknya Akta Pentadbiran Hukum Islam (Amla) pada 1968, semua wakaf ditadbirkan oleh Muis.

Amla dipinda lagi pada 1995 agar pendaftaran wakaf disertakan.

Menurut Cik Shamsiah, terdapat banyak lagi wakaf yang boleh dibangunkan.

"Wakaf ini adalah kaya dari segi aset tetapi miskin dari segi wang tunai. Beberapa hartanah ini terletak di lokasi yang amat baik. Oleh kerana potensi tinggi hartanah ini, pendekatan progresif dalam pengurusan wakaf perlu dimanfaatkan," katanya.

Muis menjadi institusi di dunia yang pertama menggunakan sukuk musyarakah bagi mengumpulkan \$60 juta bagi membiayai pembangunan semula wakaf di 11 Beach Road dan Bencoolen Street.

Inovasi itu telah meningkatkan pendapatan hartanah tersebut daripada pendapatan sewa tahunan sebanyak \$19,000 pada 1995 kepada \$5.3 juta tahun lalu.

Satu lagi wakaf yang unik di Singapura ialah MBF.

Di bawah wakaf tunai itu, pekerja Islam menyumbang kepada dana itu setiap bulan daripada gaji bulanan mereka kepada Tabung Simpanan Pekerja (CPF) yang bertindak sebagai ejen pengumpulan bagi sumbangan itu.

Dana MBF telah membantu Singapura membangunkan 22 masjid dengan jumlah keseluruhan sebanyak \$130 juta.

Bagi membezakan peranan pentadbiran dan pengurusan wakaf agar dapat menjalankan tugas lebih berkesan, Muis telah membentuk anak syarikatnya, Warees Investments Pte Ltd, pada 2000.

Pembentukan Warees penting kerana portfolio dan pelaburan wakaf semakin rumit dan berkembang.

Dalam mengagihkan dana wakaf, Cik Shamsiah berkata Muis menghadapi cabaran kerana terdapat permintaan berbeza oleh waqif (orang yang mewujudkan wakaf).

Misalnya, waqif mempunyai permintaan untuk membahagikan pendapatan wakaf ke luar negara.

Untuk memudahkan pengagihan dan melaksanakan sistem pengurusan wakaf secara berkesan, Muis telah membangunkan sistem pengurusan pangkalan data dan akaun wakaf.

Berdasarkan laporan tahunan Muis 2005, sebanyak 92 peratus daripada dana yang diagihkan digunakan dalam negeri, 4 peratus ke Arab Saudi dan 2 peratus masing-masing ke India dan Indonesia.

"Dermawan ini mewujudkan wakaf bukan sahaja membantu masyarakat di Singapura tetapi juga dibahagikan sebahagian pendapatan itu bagi kebajikan negara asal mereka," jelasnya.

Dari segi jenis pengagihan, 45 peratus diagihkan kepada masjid, 26 peratus pendidikan, 13 peratus pembelajaran madrasah, 9 peratus bagi golongan miskin dan memerlukan, dan 7 peratus untuk lain-lain.

APA KATA PESERTA

"Saya tertarik kepada cara-cara mewakafkan harta dan sebagai asatizah, saya rasa kami boleh memainkan peranan dalam menyebarkan ilmu ini agar masyarakat Islam setempat boleh memikirkan bagaimana mereka boleh mewakafkan harta mereka."

— Ustaz Abdul Manaf Rahmat, Pengurus Masjid Muhajirin.



"Konsep serta isu yang dibincangkan ada kaitan dengan apa yang kami pelajari di sekolah. Ia memberi peluang untuk kami memahami dengan lebih dalam contoh-contoh sebenar dan pengalaman negara lain dalam membangunkan institusi wakaf. "Saya begitu tertarik dengan peranan wakaf dalam pembangunan Singapura."

— Suhailah Sapuan, pelajar prauniversiti tahun kedua, Madrasah Wak Tanjung Al-Islamiah.

